

Jombola – Sukan Raket Terbaru di Dunia

Ringkasan Peraturan Asas

Peraturan sukan Jombola sepenuhnya boleh dimuat turun di www.jombola.org.



1. Jombola dimainkan di gelanggang badminton.
2. Yang berbedza ialah ketinggian jaring; 4' 4" dari permukaan lantai, kurang 9" dari Badminton.
3. Kiraan mata: Perseorangan – 11 mata. Beregu 15 mata. Menggunakan sistem *rally*; iaitu setiap rally hasilkan satu mata. Setiap 'Set' mempunyai tiga permainan. Pemenang adalah pemain yang memenangi dua dari tiga permainan itu. Jika keputusan berkedudukan seri, maka permainan ketiga dianggap permainan penentuan. Bagi permainan set penentuan kedua-dua pemain akan bertukar tempat gelanggang apabila salah seorang darinya mendahului hingga ke kiraan mata yang ke 6 untuk Singles dan 8 untuk bergu.
4. Untuk memulakan permainan, pemain yang membuat servis perlu melantunkan bola ke lantai sebelum memukulnya melepasi jaring. Pelawan juga perlu membiarkan bola itu melantun dahulu sebelum diabalis. Selepas itu terpulang kepada pemain; melantun atau membuat pukulan voli (sebelum bola melantun / melayang).
5. Pukulan servis mestilah dimulai dengan pukulan dari bawah paras pinggang (*underhand*). Pukulan servis tinggi (*overhand*) tidak dibenarkan.
6. Untuk memulakan permainan pukulan servis dimulakan dibahagian kanan gelanggang. Setelah itu kedudukannya tertakluk kepada kiraan mata; mata genap di bahagian kanan gelanggang manakala mata ganjil di bahagian kiri gelanggang.
7. Bagi permainan perseorangan ataupun beregu, pukulan servis 'Short' atau pukulan servis 'Long' akan menyebabkan kehilangan mata kepada pelawan. Bola dari pukulan servis mestilah melantun di dalam petak pelawan; ditempat yang pemain lawan sedia menunggu. Jika sekiranya bola melantun di luar petak yang telah ditentukan (*single and double side-lines*) bola akan dikira keluar dari kawasan permainan.
8. Pukulan servis yang langgar bahagian atas jaring dan selepas itu jatuh ke dalam gelanggang pemain lawan dianggap sebagai 'Let' dan perlu pukulan ulangan. Jika sekiranya perkara yang sama berlaku pada pukulan ulangan maka mata diberikan kepada pelawan.
9. '**Ace**'- Jika sekiranya mana-mana pemain setelah membuat pukulan tetapi bola masih lagi terlayang di dalam kawasan sendiri dan tidak melepasi jaring serta belum lagi tercecah lantai, bola tersebut boleh dipukul semula oleh pemain atau pasangannya beberapa kali dengan syarat pengadil berpuashati bahawa pemain tersebut tidak merancang atau dengan sengaja melakukannya. Dalam ertikata lain ia disebut sebagai pukulan 'Ace' dan jika ianya dipukul sebanyak dua kali pada situasi yang sama ianya disebut '*Double Ace*' dan begitulah seterusnya.
10. '**Trip**' – Masa permainan Beregu, jika sekiranya pemain dari belakang membalas bola pelawan, dan pemain sepasang sempat sambung bola dengan tujuan menukar hala bola itu, ini dibenarkan dan dinamakan 'Trip'. Sekali lagi, pengadil mesti puas dengan pemukulan pemain dari belakang itu adalah ke pelawan, bukan nya kepada sepasang nya.
11. Bola masih lagi dianggap dalam permainan jika sekiranya ia melantun dari jaring dan masuk semula ke dalam gelanggang sendiri serta tidak tercecah lantai; mana-mana pemain masih boleh membuat pukulan ulangan dengan syarat badan atau reketnya tidak menyentuh atau terkena jaring.
12. '**Deuce**' dikira sekiranya mata pemain mencecah 10-10 untuk Singles, 14 – 14 untuk Doubles; permainan akan diteruskan sehingga mana-mana pemain dapat memperoleh dua mata berturut-turut akan diisytiharkan pemenang. Sekiranya ianya masih berlanjutan maka pemain yang mencecah mata ke 15 untuk Singles dan 20 untuk Doubles dahulu akan diisytiharkan pemenang.

Nota Penting

- Kawasan luar gelanggang juga kawasan permainan kerana kadangkala pemain terpaksa memukul bola dari luar kawasan gelanggang untuk membalas pukulan pelawan. Bola yang dipukul perlulah melepasi jaring di antara kedua tiang jaring.
- Berbedza dari badminton, 'servis panjang' (Long) adalah 'Fault' dalam permainan perseorangan (Singles).